

15 APR 1999

Mahathir-Kelantan

LAWATAN PERDANA MENTERI KE KELANTAN DITUNDA

KOTA BAHARU, 15 April (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan yang dijadualkan pada 22 dan 23 April ini ditunda sehingga tarikh yang belum ditetapkan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata penangguhan itu dibuat setelah Perdana Menteri dinasihatkan berehat oleh doktor selepas menjalani rawatan selama 11 hari kerana jangkitan paru-paru.

"Jabatan Perdana Menteri dijangka mengumumkan tarikh baru lawatan Dr Mahathir ke Kelantan minggu depan," kata Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan kepada pemberita hari ini.

Menurutnya program lawatan Perdana Menteri ke Kelantan selama dua hari masih kekal.

Dr Mahathir dimasukkan ke Institut Jantung Negara pada 2 April lepas dan dibenarkan pulang pada Isnin lepas.

Sebelum ini Pejabat Perdana Menteri menyatakan lawatan Dr Mahathir ke Pulau Pinang, Johor dan Sabah yang sepatutnya berlangsung bulan ini ditangguhkan.

Annuar juga berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengadakan lawatan kerja sehari ke Kelantan pada 1 Mei.

Menurutnya Abdullah dijadual merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kota Bharu di sini, pada pukul 8.30 pagi.

Menurutnya selepas itu beliau akan ke Kampung Padang Kala, kira-kira 20 Km dari sini untuk merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Peringat pukul 10.30 pagi.

Timbalan Perdana Menteri akan menghadiri jamuan tengah hari di kediaman Annuar, "Seri Puri" di sini bersama pemimpin-pemimpin masyarakat, parti dan kakitangan kerajaan.

Pada pukul 3 petang, Abdullah akan merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Pasir Mas di Sekolah Menengah Sultan Ibrahim kira-kira 25 Km dari sini diikuti dengan perasmian mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di Sekolah Menengah Agama Falahiah, Pasir Pekan, Tumpat.

Timbalan Perdana Menteri dijangka berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 6.30 petang.

-- BERNAMA

MNR NMO